

09/07/1998

4 pengangkutan ke Bukit Jalil

Junita Mat Rasid

KUALA LUMPUR, Rabu - Empat jenis pengangkutan awam disediakan kepada orang ramai yang ingin menyaksikan upacara perasmian Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, Sabtu ini.

Sistem Transit Aliran Ringan (LRT-STAR), KTM Komuter, bas Park May Sdn Bhd dan Intrakota dijangka mampu memenuhi permintaan orang ramai yang ingin menyaksikan perasmian kompleks itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Kementerian Belia dan Sukan mengeluarkan tiket percuma kepada orang awam yang ingin menyaksikan majlis perasmian kompleks berkenaan.

Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Pahamin Rajab, berkata LRT-STAR menyediakan perkhidmatan percuma pada hari berkenaan mulai jam 3 petang hingga 2 pagi.

Menurutnya, LRT-STAR dijangka berupaya menampung 1,200 orang bagi perjalanan sehalu dengan kekerapan setiap tiga minit bagi membawa orang ramai ke Bukit Jalil.

"Penumpang dari Pelabuhan Klang ke Kuala Lumpur boleh menukar komuter di Stesen Kuala Lumpur dan turun di Stesen Bandar Tasik Selatan sebelum menaiki LRT atau bas ulang-alik yang disediakan ParkMay ke Bukit Jalil," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Pahamin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98, berkata perkhidmatan LRT-STAR disediakan setiap 20 minit mulai jam 6 pagi hingga jam 8 malam.

Menurutnya, orang ramai yang datang dari Pelabuhan Klang ke Rawang boleh menaiki Komuter dari jam 6 pagi hingga jam 9 malam dengan kekerapan setiap 20 minit.

"Setiap laluan ke Rawang, Seremban dan Pelabuhan Klang pula bermula jam 6 pagi hingga jam 12.20 pagi," katanya.

Selain itu, Intrakota menyediakan perkhidmatan bas dari ibu negara ke Bukit Jalil setiap 10 minit, manakala ParkMay pula menyediakan bas dari Klang ke Shah Alam setiap 20 minit.

"Park May juga menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik dari Stesen Tasik Selatan ke Bukit Jalil dengan kadar tambang RM1 berdasarkan kekerapan jadual perjalanan Komuter.

"Bas ulang-alik Intrakota pula disediakan setiap tiga minit dari padang letak kereta Kelab Lumba Kuda Selangor ke Bukit Jalil dengan tambang RM1," katanya.

Menurutnya, bas dari Bangi, Kajang dan Seremban akan menurunkan penumpang di hadapan stesen minyak Petronas di tempat letak kereta Taman Teknologi Malaysia.

"Bas untuk balik selepas perasmian akan menunggu di padang letak kereta berhadapan Stadium Hoki Bukit Jalil," katanya.

(END)